



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN &  
KESIHATAN**

**KOD KURSUS : DKM2142**

**PEPERIKSAAN : JUN 2022**

**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Pencemaran bunyi terjadi disebabkan oleh \_\_\_\_\_.
  - A hingar jalan raya.
  - B penyinaran lebihan.
  - C pemusnahan alam fizikal.
  - D penebangan pokok balak secara tidak terkawal.
  
2. NIOSH di Malaysia mula beroperasi pada tahun \_\_\_\_\_.
  - A 1995
  - B 1994
  - C 2001
  - D 1992
  
3. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh NIOSH **kecuali**
  - A *Trainers.*
  - B *Certificated.*
  - C *Health Review Commission.*
  - D *Research and Development.*
  
4. Berapakah tahap maksimum bagi pendengaran manusia?
  - A 180 dB.
  - B 80 dB.
  - C 85 dB.
  - D 60 dB.

5. Pemadam api jenis manakah yang sesuai untuk memadamkan kebakaran yang berpunca daripada sumber cecair mudah terbakar?
- A Jenis A.
  - B Jenis B.
  - C Jenis C.
  - D Jenis D.
6. Tiga perkara yang diperlukan untuk menghasilkan api adalah \_\_\_\_\_.
- A oksigen, api dan air.
  - B suhu, oksigen dan air.
  - C bahan bakar, suhu dan oksigen.
  - D bahan bakar, suhu dan karbon dioksida.
7. *Hose* api adalah peralatan yang sangat penting dalam memadam kebakaran. Apakah fungsi bagi *Hose*?
- A Sejenis paip air yang dibina ke dalam bangunan bertingkat.
  - B Sistem pemercik api untuk perlindungan kebakaran yang aktif.
  - C Hos tekanan tinggi yang membawa air atau bahan kalis api lain untuk memadamkan api.
  - D Melindungi kawasan-kawasan yang mengandungi peralatan berharga atau kritikal seperti bilik pemrosesan data, suis telekomunikasi dan bilik kawalan proses.
8. Apakah yang dimaksudkan dengan *cranes*?
- A Peralatan untuk mengangkat dan menurunkan barang.
  - B Kenderaan untuk mengangkat peralatan dengan menggunakan gear.
  - C Sistem penghantar untuk pengendalian mekanikal yang bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain.
  - D Sejenis mesin yang dilengkapi dengan pesawat angkat tali, wayar atau rantai dan pencangkuk untuk mengangkat bahan yang lebih berat dan bergerak secara mendatar.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan Tali Sawat?

- A Memotong benda kerja dalam jumlah yang banyak.
- B Alat yang digunakan untuk memotong logam yang keras.
- C Bahan jalur yang berputar berterusan menggunakan dua takal atau lebih untuk menggerakkan peralatan mesin.
- D Alat yang menggunakan logam pemotong yang keras atau kawat dengan tepi kasar untuk memotong bahan yang lebih keras serta mempunyai tepi logam pemotong yang bergerigi atau kasar.

10. Berikut merupakan bahaya-bahaya berpunca daripada elektrik **kecuali**

- A Kejutan
- B Letupan
- C Kebakaran
- D Gempa bumi

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Berikan **lima (5)** tanggungjawab majikan terhadap pekerjaanya.

(5 markah)

b. Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan satu kewajipan bagi setiap organisasi. Terangkan **lima (5)** kesan OSHA kepada organisasi.

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Terangkan definisi bagi yang berikut :

(i) *Railing*

(ii) *Wall Opening*

(5 markah)

b. Berikan **lima (5)** langkah yang boleh diambil bagi menjaga keselamatan dalam bangunan di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 3**

a. Senaraikan **lima (5)** faktor pemilihan perlindungan pendengaran yang digunakan semasa bekerja.

(5 markah)

b. Sebagai seorang majikan, anda diwajibkan untuk menyediakan peralatan perlindungan peribadi bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja anda. Terangkan **lima (5)** peranan majikan dalam penggunaan PPE di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 4**

a. Aspek keselamatan adalah perkara yang perlu dipandang serius adalah untuk kerja-kerja kimpalan seperti pemotongan, pemezerian, pemanasan dengan menggunakan mesin kimpal, dan peraturan keselamatan perlu diutamakan. Senaraikan **lima (5)** langkah keselamatan diri yang perlu dipatuhi.

(5 markah)

b. Anda ditugaskan sebagai penyelia di syarikat yang menjalankan kerja-kerja kimpalan. Terangkan **lima (5)** langkah keselamatan semasa dan selepas melakukan kerja-kerja kimpalan kepada pekerja dibawah jagaan anda.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1****Kes Penyiasatan Kebakaran**

TUMPAT - Masyarakat di negeri ini masih kurang kesedaran terhadap bahaya kebakaran yang mungkin boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Penolong Penguasa Bomba Cawangan Penyiasatan Kebakaran Zon 2, Kelantan, Johari Salleh berkata, majoriti masyarakat mengamalkan sikap ambil mudah akan sesuatu perkara.

“Ada banyak faktor kecuaiian yang boleh membawa kepada kebakaran. Antaranya merokok di tempat kerja terutamanya di kilang yang ada bahan mudah terbakar.

“Orang kampung khususnya golongan wanita pula lupa menutup api di dapur gas selepas memasak.

“Ada juga yang menggunakan terlalu banyak sambungan wayar elektrik dan wayar yang melebihi tempoh 20 tahun,” katanya selepas menyiasat dua kes kebakaran yang berlaku di Kuala Krai dan Tumpat, baru-baru ini.

Tambah Joharudin, ada juga dalam kalangan masyarakat yang hanya mengambil jalan mudah dengan membaiki sendiri sambungan wayar elektrik sekiranya berlaku kerosakan.

“Sekiranya tiada kemahiran, elakkan membaiki sendiri atau menyuruh jiran untuk melakukannya kerana ia mengundang bahaya.

“Lebih elok sekiranya mendapatkan orang yang memiliki lesen kompeten dengan elektrik berkenaan,” katanya.

Berkenaan kes kebakaran rumah di Kampung Limau Kasturi, baru-baru ini, Joharudin berkata, kediaman terbabit baharu sahaja dibina selepas kediaman asal musnah dilanda banjir dua tahun lalu.

“Keseluruhan rumah berkenaan dibina dengan struktur kayu. Selepas siasatan, kita mendapati kebakaran terbabit berpunca dari api dapur yang tidak dimatikan dan dipasang terlalu lama.

“Kebakaran berlaku lebih cepat kerana binaan kayu lebih cepat merebak.

"Kerugian yang dianggarkan kira-kira RM40,000," katanya.

a. Daripada maklumat di atas, jelaskan **lima (5)** kesalahan dan **lima (5)** langkah untuk mengatasi masalah tersebut mengikut Akta OSHA.

(10 markah)

b. Kecederaan dan kemalangan di tempat kerja akan menyebabkan kerugian wang ringgit dan peningkatan kos sesebuah organisasi. Terangkan **satu (1)** contoh situasi kemalangan di tempat kerja dan perkaitan dengan kos-kos yang terlibat.

(10 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**